

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.05.2016

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah pembangunan yang telah atau pun sedang dilakukan oleh kerajaan hasil daripada kutipan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kutipan cukai termasuk SST (sebelum pelaksanaan GST) dan kutipan cukai GST merupakan hasil Kerajaan. Jumlah hasil kutipan tersebut dimasukkan ke dalam

Kumpulan Wang Disatukan. Ianya adalah selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan di mana semua hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan.

Dana daripada Kumpulan Wang Disatukan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membiayai keseluruhan Perbelanjaan Mengurus di mana sebahagian besar adalah bagi sektor pendidikan, kesihatan, ekonomi, keselamatan, sosial dan perkara-perkara melibatkan kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Komponen Belanja Mengurus termasuk emolumen, bayaran balik hutang, subsidi dan pemberian bantuan seperti BR1M, pembelian ubat-ubatan dan penyelenggaraan aset-aset Kerajaan. Manakala komponen Belanja Pembangunan adalah seperti pembinaan hospital, sekolah, jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih. Semua perbelanjaan tersebut dapat memberi manfaat dan faedah kepada rakyat.